

JANGAN KAUT UNTUNG SAJA

Dr.M: Kepentingan pembeli diutamakan

SEREMBAN, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pemaaju-pemaaju perumahan jangan menjadikan para pembeli sebagai tempat mengaut keuntungan.

Katanya, ada kejadian rumah-rumah batu yang dibina tanpa ruang udara yang munasabah, siling yang terlalu rendah sehingga kipas angin

boleh dipegang ketika berdiri.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap di upacara memocah tanah Taman Tuanku Jaafar dekat sini, hari ini.

Menurutnya, perbuatan yang dilakukan oleh syarikat berkenaan adalah satu gejala buruk atau amalan yang kurang sihat dan syarikat tersebut seharusnya sodor, kepercayaan jangka panjang masyarakat adalah faktor yang lebih penting dari mendapat untung cepat dengan cara tidak jujur.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengesaya syarikat binaan Bumi putera meningkatkan keupayaan dan kepakaran mereka selaras dengan permintaan yang semakin bertambah.

Syarikat-syarikat pembinaan Bumi putera, katanya, mestilah menjadi contoh yang baik dan membuktikan kebolehan mereka supaya dapat bertanding dengan syarikat pembinaan yang lain.

Pendirian

"Adalah tidak tepat sekiranya syarikat-syarikat pembinaan Bumi putera mengangap kerajaan dan pemimpin-pemimpin tidak memberi galakan dan kemudahan yang cukup," katanya.

Menurutnya, pengusaha yang beranggapan demikian tidak mempunyai pendirian dan tidak progresif.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah tiba dengan helikopter disambut oleh Menteri Besar, Datuk Mohamad Isa Samad, orang-orang kenamaan negeri yang lain, di Padang NS di sini.

Fezang tadi, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Negeri Sembilan (SPNS) yang membawa gelar Datuk Seri kepada Perdana Menteri di Istana Besar Seri Manantir kira-kira 40 kilometer dari sini.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 2157
No. Penerimaan 700/86